PEMIKIRAN PERIKEMANUSIAAN TIONGHUA & PENGURUSAN MODEN

4

中华人文思想与现代管理

Oleh Dr Yap Sin Tian DBA(SCU)

叶新田博士译著

F-212
2013633
4

阅 览

Pemikiran Perikemanusiaan Tionghua & Pengurusan Moden

中华人文思想与现代管理

Buku ④
Perjuangan Murni
第四册　崇高理想的奋斗

Riwayat Hidup Perajurit Antarabangsa Doktor Norman Bethune
国际主义战士白求恩医生

Pemikiran Perikemanusiaan Tionghua & Pengurusan Moden
中华人文思想与现代管理

Buku ④ Perjuangan Murni
第四册　崇高理想的奋斗

Penulis 作者　：Dr.Yap Sin Tian DBA(SCU) 叶新田博士
Penerbit 出版：叶氏企管公司
Yap Management & Consultancy
12A, Jalan 1/130 B, Tiara Villa,
United Garden,
Off Jalan Klang Lama,
58200 Kuala Lumpur,
Malaysia.
出版日期　：2010年12月1日
印　　刷　：Percetakan Hasil Sdn. Bhd.
No. 20, Jalan Kilang,
Taman Midah, Cheras,
56000 Kuala Lumpur.
定　　价　：马币 RM100.00（全套4册）
国际书号　：978–967–0183–03–9

版权所有　翻印必究

Kandungan
目录

Buku ④
Perjuangan Murni
第四册　崇高理想的奋斗

Riwayat Hidup Perajurit Antarabangsa Doktor Norman Bethune
国际主义战士白求恩医生

Pendahuluan		1
Bab 1.	Perjalanan Terakhir	4
Bab 2.	Sakit Teruk Pada Kali Pertama	16
Bab 3.	Zaman Belia	19
Bab 4.	Dari Jawatan Perubatan Hingga Muntah Darah	25
Bab 5.	Ilham Waktu Berehat	33
Bab 6.	Doktor Bedah Yang Terkenal	41
Bab 7.	Doktor dan Masyarakat	47
Bab 8.	Meraba	57
Bab 9.	Jalan Tepat	64
Bab 10.	Pulang Dari Leningrad	72
Bab 11.	Beberapa Peristiwa	79
Bab 12.	Wasiat dan Azam	86

Bab 13. Berperang di Madrid 91
Bab 14. Pasukan Derma Darah Bergerak 100
Bab 15. Lautan Manusia Menderma Darah 107
Bab 16. Mara ke Selatan 113
Bab 17. Sepanjang Jalan Malaga 118
Bab 18. Bina Taman Kanak-kanak Yatim 126
Bab 19. Pekerjaan Setelah Pulang ke Kanada 130
Bab 20. Dari Hongkong ke Provinsi Shansi Utara 139
Bab 21. Dr. Hatem (Ma Hai-Teh) 147
Bab 22. Di Daerah Sempadan Chin-Cha-Chin 151
Bab 23. Kempen Lima Minggu 161
Bab 24. Contoh Menderma Darah 166
Bab 25. Ku Sukakan Mereka 174
Bab 26. Pembukaan Rasmi Hospital Tauladan 180
Bab 27. Mendorong Mara ke Provinsi Hopei Utara 186
Bab 28. Dua Jenis Penyakit 200
Bab 29. Kerja Membedah Selama 40 Jam 207
Bab 30. Dua Fasal Catatan Harian 215
Bab 31. Hospital di Ceruk 219
Bab 32. Di Padang Dataran Tengah Provinsi Chi (Hopei) 223
Bab 33. Beberapa Fasal Cerita Pendek 234
Bab 34. Peperangan di Daerah Chee Hui 243
Bab 35. Rancangan Baru 259
Bab 36. Pemulihan Pendengaran 268
Bab 37. Perlawanan Hebat di Gunung Moo Teng 274
Bab 38. Dengan Penyakit Bertolak ke Garius Depan 290
Bab 39. Meninggal Dunia 295

此为试读，需要完整PDF请访问：www.ertongbook.com

Pendahuluan

Norman Bethune adalah seorang doktor bedah yang terkenal berbangsa Kanada. Dia berasal dari keturunan Scotland dan dilahirkan pada tahun 1890. Tatkala berusia 30 tahun lebih dia telah menjadi seorang doktor bedah dada yang masyhur. Pada tahun 1936 ia pernah mengelola pasukan perubatan ke Sepanyol untuk mengambil bahagian dalam peperangabn anti fasis di sana. Pada tahun 1939 Norman Bethune tiba di Tiongkok dan menyertai peperangan rakyat Tiongkok anti-militerisme Jepun. Malangnya dia menemui ajal semasa sedang bertugas pada tahun 1939.

Jalan hidup gilang gemilang yang dilalui Norman Bethune itu bukan saja telah menunjukkan tauladan utama bagi ahli perubatan bahkan juga menjadikan ia sebagai tokoh agung bagi orang yang benar-benar ingin menyumbangkan hidupnya kepada rakyat. Dengan berdasarkan semangat "tidak sekali-kali mementingkan diri tetapi mementingkan orang ramai" serta mengikut

jalan hidup seorang perajurit agung antarabangsa seperti Dr. Norman Bethune itu, maka barulah seseorang itu dapat menyumbangkan hidupnya bagi perjuangan adil serta berkhidmat sepenuh hatinya untuk masyarakat.

Buku ini diterjemahkan daripada buku yang berbahasa Tionghua, yang sebenarnya berjudul Jalan Hidup Seorang Doktor Ternama seperti tajuk yang diberikan dalam bahasa Mandarin. Tajuk terjemahan ini diberikan sedikit perubahan. Mengikut keterangan penulis bukunya tersusun berdasarkan sebuah buku Inggeris yang bertajuk The Scalpel, The Sword. Namun buku terjemahan ini pada dasarnya mengikut buku bahasa Tionghua yang tersebut itu. Berkenaan sesetengah nama orang dan nama tempat yang bukan orang Tionghua, maka sedapat-dapatnya ditulis dengan nama Inggeris aslinya. Manakala sesetengah nama yang kurang umum terpaksalah diberi ejaan Rumi saja kerana tidak dapat mencari nama Inggeris asli yang tepat. Walaupun keadaan ini diperbaiki semasa percetakan dengan menurut buku bahasa Inggeris namun perbezaan bagi sesetengah nama mungkin juga ada.

Terjemahan buku ini dilakukan serta dilengkapkan dalam suasana yang terpecil daripada dunia iaitu dengan sekatan dinding besi, namun inilah hidangan untuk pembaca sebagai cenderamata kehidupan serta

sekaligus pelajaran bagi penterjemah. Dengan sebab kekurangan saya sendiri dalam bidang terjemahan, tentulah masih terdapat banyak kecacatan mahupun kelemahan dalam buku ini. Untuk itu adalah dengan sukacitanya diharapkan sebarang teguran membina untuk memperbaikinya.

Dr. Yap Sin Tian
Kuala Lumpur

Bab 1
Perjalanan Terakhir

Di Daerah Hopei, Utara Tiongkok

Melalui jalan pergunungan yang bengkang-bengkok dan sempit, askar-askar yang memikul itu mengusung dia ke sini dari gunung yang jauh di belakang. Tentera musuh, walaupun telah tiba ke jalan pergunungan itu, memang tidak berani melangkah masuk walau setapak pun. Berkuda memasuki hutan demikian lebat tentulah tidak dapat melainkan berjalan kaki dan mengheret kuda.

Dia diusung ke sini dengan menggunakan usungan yang disediakan untuk askar yang cedera. Mula-mula dia kelihatan geram-geram dan menggeleng-geleng kepalanya serta menyuruh askar yang memikulnya menjauhkan diri. Tambahan pula, sungguh pun ta-ngan kirinya tergantung dengan kain pembalut, dia masih berkuda melalui jalan yang entah berapa jauhnya. Akan tetapi selepas puncak

Moo Teng dan setelah mara ke depan beberapa jauh lagi akhirnya tenaganya pun tidak tertahan lagi. Ketika itu dia barulah berbaring dalam usungan dan mara dalam buaian usungan itu. Matanya terus merenung askar-askar yang sedang mengangkatnya.

Dengan kelengkapan kuda dan keldai yang mengangkat barang-barang pasukan itu senyap-senyap berjalan dan mara seperti di tanah pergunungan yang lengang di barat Daerah Hopei semalam. Pada waktu siang matahari bulan November yang seperti mata yang tertahan-tahan daripada melelehkan air matanya itu dilindungi segolong awan nipis sambil memandang ke bawah, ke pasukan itu dari awan yang benar-benar seperti mengerutkan kedua-dua belah keningnya. Waktu malam bintang-bintang terambai-ambai di atas tubir bahaya itu sambil memancarkan cahaya di depan pasukan, segar dan hangat. Namun tanpa mempedulikan siang atau malam, langit seolah-olah dapat disentuh; asalkan terangkat sahaja tangan. Pasukan itu sambil mendengar letupan meriam yang bergemuruh seperti halalintar jauh di belakang terus mara ke depan, di jalan berbukit-bukau dengan debu yang berterbangan. Kabus nipis laksana sekolam air memutih keperak-perakan menutupi seluruh lurah; karang tubir yang merbahaya, rumput-rampai yang subur sentiasa terdapat di tepi kaki.

Akhirnya mereka keluar dari tanah pergunungan itu dan tiba di mercu itu. Jurubahasa Doong yang berkuda merah kurma dan bertugas sebagai pemandu mengangkat sebelah tangannya mengajak semua orang berehat. Memandang ke bawah kelihatan sebuah da-taran yang meluas hingga ke tempat yang jauh. Tabib Tentera, Fang namanya, menunjukkan dengan tangannya, "Itulah Kampung Huang Shiak," katanya. Sejurus kemudian pasukan itu menuruni gunung lagi. Dalam kira-kira sejam masa melalui lereng bukit itu, kelihatan sayup-sayup orang kampung Huang Shiak itu – sehingga bayang-bayang orang yang pulang dari sawah itu pun juga terlihat dengan terangnya. Sebaik saja pasukan itu memijakkan kaki mereka di tanah rata, orang kampung telah berkumpul di hadapan kampung di sebelah barat itu. Tatkala pasukan itu hampir tiba di depan kampung itu, suasana sawah di situ penuh dengan suara sorak-sorai yang gembira dan mesra.

Orang ramai yang mengalu-alukan kedatangan pasukan itu ada yang melambai-lambaikan tangan, dan ada yang tertawa dengan riang. Mereka bersama-sama berteriak, "Bethune! Bethune!". Tetapi suara sorak-sorai gembira itu tiba-tiba terhenti apabila kuda merah kurma itu sampai dan memasuki kampung itu. Penduduk kampung yang terkejut itu dapat melihat tingkah laku

此为试读，需要完整PDF请访问：www.ertongbook.com

Tabib Tentera Fang. Kedua belah mata tabib itu dipenuhi tanda risau dan pilu yang tidak terperi. Orang ramai di situ mula berbisik-bisik dan bercerita sesama mereka. Mereka memberi jalan kepada Tabib Fang. Di manakah Norman Bethune? Kenapakah pasukan itu senyap-senyap sahaja masuk kampung? Mengapakah askar pemikul itu berjalan dengan menundukkan kepala dan membisu seribu bahasa? Dengan hati-hati usungan itu diangkat masuk ke kampung. Melihat hal ini penduduk kampung itu, sungguh pun mereka belum mengetahui apa gerangan yang akan terjadi, wajah mereka telah muram dengan kening yang berkerut-kerut.

Jurubahasa Doong menambat tali kekangan kuda merah kurma itu. Pasukan itupun berhenti. Askar pemikul meletakkan usungan yang setinggi lutut itu ke tanah dengan perlahan-lahan. Mereka bukan saja begitu hati-hati terhadap orang dalam usungan itu, tetapi tingkah laku mereka sendiri pun berhati-hati juga.

Penduduk di situ dengan segera berkerumun di keliling usungan itu. Tak silap! Doktor Norman Bethunelah yang di dalam usungan itu. Cuma dua minggu yang lepas sahaja dia berjalan di depan sekali pasukan itu ke kawasan pergunungan lalu terus menuju ke barisan depan. Ketika itu seluruh rambut putih di ke-palanya kelihatan terlayang-layang bagaikan ditiup

angin melalui kampung itu. Bagaimana kini kepalanya terlentang menengadah turun ke belakang dan matanya terpejam? Dengan misai dan janggut berjeramus di muka, dia terbaring di hadapan orang ramai. Dengan membisu penduduk kampung itu merenungnya. Tidak silap! Dialah Doktor Norman Bethune. Tapi dia terbaring di sana dengan kedua belah pipinya melesung. Apa telah terjadi? Ramai orang menyaksikan kepintaran pengubatannya. Tatkala itu orang kampung di Provinsi Shansi itu riang-gembira apabila saja melihatnya. Ketika dia merintangi bahagian tengah Tiongkok, pesakit-pesakit segera dapat diubati sebaik saja dia tiba. Di daerah yang dikuasai oleh Jepun namanya menggentarkan tentera musuh tetapi kini apa gerangan yang terjadi?

Orang ramai itu sambil mereka merenung Norman Bethune turut ternanti-nanti Jurubahasa Doong agar dapat memberi sepatah dua kata. Dulu Doktor Bethune pernah melakukan keajaiban dalam pengubatannya semasa mengubati pesakit-pesakitnya, kini tentulah dia sudah meninggalkan sesuatu bagi mengubati dirinya sendiri. Mereka mengharapkan: mungkin sekejap lagi kedua biji matanya yang menghijau itu akan kelihatan bersinar seperti biasa, kepalanya yang beruban putih itu akan terangkat menengadah dan kedua-dua belah tangannya akan terhulur ke depan agar tidak membimbangkan

orang. Mungkin dia akan bangun dengan segar dan bertenaga, dan tampil ke depan berdiri seperti tiang besar.

Dalam renungan orang kampung yang mengharukan itu, dengan tiba-tiba saja Doktor Bethune mengalihkan badannya yang amat sakit itu sehingga kain selimutnya terselak. Sepantas itu yang terpandang oleh penduduk kampung itu di hadapan mereka adalah kain pembalut yang sudah lusuh, yang terbalut hingga ke bahunya. Mereka amat terperanjat – membuatkan mereka terundur selangkah ke belakang. Kanak-kanak berselindung di sisi paha orang-orang dewasa. Norman Bethune seolah-olah terjaga daripada tidur yang nyenyak. Dia membukakan mata serta menunjangkan badannya. Dia memandang ke sekeliling dan akhirnya pandangannya terhenti kepada Jurubahasa Doong. Dia mengeluarkan beberapa perkataan kepada jurubahasa itu (satu-satunya orang yang mengerti bahasa Inggeris) kemudian berbaring semula dengan putus asa. Dengan suara berat Jurubahasa Doong berkata kepada penduduk kampung itu; "Terpaksalah kami tinggal di sini, kami telah mengalami perjalanan sehari semalam dari barisan depan. Kini doktor tidak dapat mara lagi, dan kami terpaksa singgah di sini untuk mengubati doktor."

Salah seorang petani tua mara ke depan. Dia membongkok memberi hormat menurut adat dan resam

penduduk Provinsi Hopei, dan kemudian berkata; "Mula-mula kami takut kalau-kalau yang menuruni bukit itu musuh yang datang, kemudian kami ternampak kuda merah kurma dan askar-askar yang memikul usungan dari tempat yang jauh, kami pun gembira. Tapi kini hati kami berasa amat pilu. Dengan penyakit begini teruk doktor datang ke kampung ini, hati kami lebih berasa sedih daripada kedatangan musuh. Kalau benar tentera musuh yang datang, paling berat mereka lakukan, membakar rumah pondok saja..."

Norman Bethune berpaling serta menghulurkan tangannya beberapa kali.

"Sediakan tempat untuk doktor terlebih dulu. Adakah tempat yang sesuai?" kata Jurubahasa Doong.

"Rumah keluarga Yu tempat terbaik sekali di kampung ini," kata petani tua itu.

Penduduk kampung itu mengiring usungan sampai ke ha-laman rumah Yu, tapi tidak masuk ke dalam. Kanak-kanak merenung orang-orang dewasa dengan penuh teliti. Dengan selintas pandangan sahaja akan tingkah laku orang dewasa itu, kanak-kanak di sini dapat mengerti apa-apa yang terjadi. Daerah pergunungan Hopei dan wilayah Tiongkok yang lebih luas itu, selama ini pun sentiasa terancam oleh musuh. Kanak-kanak pun dengan cepat mengerti hal itu. Sekarang suasana sedih

meliputi seluruh kampung, lebih sedih daripada keadaan musuh memasuki kampung.

Pada sebelah petang arahan kedua telah dihantar ke sini. Dua hari yang lepas markas besar memberikan perhatian yang berat ketika menerima laporan dari barisan depan mengatakan bahawa Doktor Bethune diserang penyakit. Perintah kecemasan pun dikeluarkan supaya Doktor Bethune segera dihantar pulang ke markas besar dari barisan depan.

Penghantar surat perintah itu datang terburu-buru pada sepanjang perjalanannya. Sebaik saja arahan itu disampaikan, dia meminta diri untuk pulang dengan segera hinggakan nasi pun tidak sempat dimakannya. "Mereka di Gunung Wu Tai dan Yenan sedang ternanti-nanti laporan tentang hal Doktor Bethune. Aku mahu melihat doktor sebentar dan kemudian pulang segera. Sekiranya keadaan doktor merbahaya dan aku masih di sini, kawan-kawan di sana tentu mengkritik aku apabila mereka mengetahuinya kelak," katanya.

Tabib Tentera Fang membawa penghantar surat itu ke rumah Yu sambil dalam hatinya berfikir. "Bukan saja mereka di sisi katil di rumah Yu itu yang mengambil berat tentang hal Dr. Bethune. Bukan saja di Kampung Huang Shiak dan pada sepanjang perjalanan dari puncak Moo Teng tapi seluruh daerah sempadan Chin-Cha-Chi

pun turut mengambil berat tentang hal Dr. Bethune. Jika doktor mengetahuinya tentulah hatinya berasa senang."

Penduduk kampung itu berkerumun di luar rumah Yu. Tetapi setelah setengah hari masih tidak kelihatan juga Tabib Tentera Fang dan penghantar surat yang telah masuk itu tidak juga keluar-keluar lagi, merekapun pelahan-lahan bersurai. Orang lelaki pergi menyambung semula kerjanya di sawah, namun mereka sentiasa berpaling memandang ke arah kampung itu. Orang perempuan pula pulang ke rumah menyediakan makanan untuk pasukan itu. Kanak-kanak mengingatkan satu dengan yang lain agar tidak sekali-kali membuat bising ketika bermain.

Si-Chiou berkawal di pintu pesakit. Apabila bersua dengan orang yang keluar dari rumah itu, dia segera datang bertanya; "Dapatkah doktor bertolak semula esok? Adakah apa-apa yang dia hendak makan?"

Sepanjang malam Tabib Tentera Fang mengawal bilik pesakit itu. Awal-awal lagi esok paginya dia berjalan keluar ke kampung yang berhampiran dengan wajah muram. Tiba pada seketul batu besar, diapun duduk di situ. Apabila dari jauh Jurubahasa Doong ternampak akannya, dia pun pergi ke sana dan bercangkung di sisi Tabib Tentera Fang lalu kemudian mengambil sebatang ranting kering mencakar-cakar tanah.

此为试读，需要完整PDF请访问：www.ertongbook.com